



INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER



Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), JPM
Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: 603 8924 3400, Faks: 603 8926 1231
E-mel: ilkap@ilkap.gov.my

EDISI
2022
JAN-JUN

~LAUT BUDI, TEPIAN AKAL~
AMDAL BERBICARA
BERSAMA DENGAN PEGUAM NEGARA
YBHG. TAN SRI IDRUS BIN HARUN



Assalamualaikum dan salam sejahtera YBhg. Tan Sri. Ribuan terima kasih diucapkan atas kesudian YBhg Tan Sri untuk meluangkan masa ditemu bual oleh pihak Sidang Redaksi ILKAP E-Newsletter (Insight) Bil. 1/2022 ("Insight"). Untuk makluman YBhg. Tan Sri, Insight merupakan salah satu penerbitan ILKAP dan diterbitkan secara dwitahunan. Insight diterbitkan untuk memberikan platform kepada warga ILKAP mengetengahkan karya penulisan artikel selain melaporkan aktiviti yang dilaksanakan di ILKAP dalam tahun tersebut.

Sidang Redaksi Insight amat berbesar hati dapat menemu bual YBhg. Tan Sri untuk siri kali ini dan berkongsi dengan para pembaca Insight sedikit sebanyak tentang YBhg. Tan Sri. Dengan ini, izinkan saya memulakan sesi temu bual ini.

Pertama sekali, sudi YBhg. Tan Sri berkongsi dengan pembaca Insight mengenai **latar belakang keluarga** YBhg. Tan Sri ketika membesar dahulu dan **sejarah pendidikan** sebelum mula mengorak langkah dalam kerjaya?




Saya dilahirkan dan dibesarkan di Kampung Sanglang, Ayer Hitam, Kedah pada 2 Februari 1955 dan dibesarkan bersama dengan tujuh adik-beradik yang lain. Ayah saya ialah Penghulu Mukim Sanglang manakala ibu saya seorang suri rumah.

Saya sering digelar "budak kampung" suatu masa dahulu dan mungkin gelaran berkenaan dilihat sebagai negatif bagi sesetengah pihak, tetapi pada saya gelaran sedemikian membolehkan seseorang itu melangkah dalam kehidupan dengan pandangan yang lebih terbuka dan merendah diri. Walaupun saya agak nakal ketika kecil dahulu, saya sentiasa

memandang serius tentang bab pelajaran kerana saya percaya peribahasa "Ilmu pelita hidup" itu memang benar dan saya menanam semangat belajar dalam diri.

Alhamdulillah, saya beroleh keputusan yang cemerlang dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM/HSC) dan ini mebolehkan saya menyambung pelajaran sebagai penuntut di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya yang merupakan universiti pertama di Malaysia dan antara universiti yang ternama di negara ini.



Zaman universiti saya sangat mengujakan kerana ketika itu era 70-an yang dipenuhi dengan muzik, dansa dan parti yang banyak dipengaruhi oleh wayang Barat seperti *Saturday Night Fever* dan *Grease*. Saya dan rakan berparti secara bajet sebab biasiswa tidak mencukupi, hanya cukup untuk kegunaan asas hidup dan pelajaran. Bercakap tentang biasiswa, teringat jugalah saya rumah sewa saya dan rakan saya pada ketika itu ada meja makan sahaja. Kami belajar di atas lantai, berbaring ada duduk pun ada. Kalau ada antara kami yang mahukan suasana belajar yang lebih baik, kami terpaksa pergi ke perpustakaan. Itulah antara kenangan yang tidak boleh dilupakan sehingga kini dan sampai sekarang kami masih berkawan.

YBhg. Tan Sri, sekarang ada juga yang mempunyai meja dan kerusi belajar tetapi masih belajar sambil berguling di atas lantai, selesa katanya. Seterusnya YBhg. Tan Sri, boleh ceritakan juga sedikit sebanyak tentang keluarga YBhg. Tan Sri kini?

Allah SWT mengurniakan saya dengan rezeki mempunyai seorang isteri yang sangat hebat, *the love of my life* dan kami dikurniakan dengan tujuh orang anak. Saya berharap anak dan cucu saya akan sentiasa membawa diri dengan cara yang baik.

Alhamdulillah dan insya-Allah, YBhg. Tan Sri. Jika dilihat sejarah kerjaya YBhg. Tan Sri sangatlah berwarna-warni dan YBhg. Tan Sri adalah antara pegawai yang mempunyai pengalaman bertugas di mahkamah dan juga di Jabatan Peguam Negara ("AGC"), suatu pengalaman yang tidak dirasai oleh semua pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Boleh kongsikan sedikit sebanyak **sejarah kerjaya** YBhg. Tan Sri dan apakah antara **memori yang paling diingati** ketika berkhidmat di mahkamah dan di AGC?

Saya berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sejak tahun 1980 hingga sekarang. Saya pernah menjawat pelbagai jawatan termasuklah sebagai Timbalan Pendakwa Raya, Penggubal Undang-Undang Parlimen, Peguam Cara Negara, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Persekutuan dan kini sebagai Peguam Negara.

Ketika saya berkhidmat sebagai Presiden Mahkamah Sesyen di Sabah sekitar tahun 1986, berlaku ketegangan politik yang berlanjutan antara tahun 1985 dan 1986 yang mengakibatkan rusuhan, pengeboman dan kematian. Pihak polis tidak berjaya meredakan penunjuk perasaan yang berkumpul di Karamunsing sekitar Mac 1986 sehingga saya dimohon untuk pergi ke tempat kejadian. Saya masih ingat pada ketika itu saya sendiri yang memberikan peringatan akhir kepada penunjuk perasaan untuk beredar kerana mereka sedang melakukannya kesalahan berhimpun secara haram yang boleh mengganggu ketenteraman awam. Tetapi, penunjuk perasaan berkenaan masih berdegil dan pihak polis telah menembak gas pemedih mata sehingga bertempiaran mereka melarikan diri. Sebagai serangan balas, penunjuk perasaan berkenaan telah menghancurkan dan membakar kenderaan,

stesen minyak dan kawasan sekitar. Mengimbas kembali keadaan ketika itu, saya rasa kenangan itu memang sukar dilupakan sepanjang hidup.



Gambar daripada Sabah Times, The Daily Express dan Rusuhan Tersembunyi Sabah 1986 / Silent Riot Sabah – Nadira Ilana
<https://thesilentriotdocumentary.wordpress.com/author/feistgeist/page/3/>

Memori di AGC sebenarnya terlalu banyak kerana *nature of work* di AGC akan berhadapan dengan pelbagai jenis isu, masalah dan keadaan. Antara memori yang paling saya ingati adalah ketika saya menjalankan pendakwaan dalam kes pembunuhan arwah Intan Yusniza dan ibunya sekitar tahun 1991 apabila pada akhir kes pembelaan pihak juri mendapati tertuduh bersalah dan dijatuhi hukuman gantung sampai mati.

Tentunya saya juga masih mengingati saat ketika dilantik sebagai Peguam Negara walaupun saya telah bertukar ke arena mahkamah dan menjawat jawatan sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan. Saya sedar bahawa menerajui AGC bukanlah suatu tugas yang mudah, tetapi saya galas apa juu tugas dengan satu pegangan, iaitu menjaga amanah yang diberikan dengan sebaik mungkin.



Sejarah Kerjaya YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun

TAHUN	JAWATAN	TEMPAT BERTUGAS
1980 – 1983	Penolong Penggubal Undang-Undang Parlimen	Bahagian Gubalan, AGC
1983 – 1984	Penolong Kanan Pendaftar	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ('KL')
1984 – 1990	Presiden Mahkamah Sesyen	Mahkamah Sesyen, Kota Kinabalu, Sabah
1990 – 1993	Timbalan Pendakwa Raya	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
		Unit Pendakwaan, KL
		Bahagian Pendakwaan, AGC
1993 – 1995	Penasihat Undang-Undang	Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu
1995 – 1996	Peguam Kanan Persekutuan	Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
1996 – 1997	Timbalan Pendakwa Raya	Agensi Pencegahan Rasuah, KL
1997 – 1998	Timbalan Ketua Bahagian	Bahagian Penasihat dan Hal Ehwal Antarabangsa, AGC, KL
1998 – 2002	Pendaftar Syarikat	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
2002 – 2004	Ketua Bahagian	Bahagian Penasihat dan Hal Ehwal Antarabangsa, AGC, Putrajaya

TAHUN	JAWATAN	TEMPAT BERTUGAS
2004 – 2006	Penggubal Undang-Undang Parlimen	Bahagian Gubalan, AGC
2006 – 2014	Peguam Cara Negara	Pejabat Peguam Cara Negara, AGC
2014 – 2018	Hakim Mahkamah Rayuan	Mahkamah Rayuan, Putrajaya
2018 – 2020	Hakim Mahkamah Persekutuan	Mahkamah Persekutuan, Putrajaya
6 Mac 2020 – sekarang	Peguam Negara	Pejabat Peguam Negara, AGC

Bak kata pepatah: bermain air basah, bermain api hangus – setiap pekerjaan ada kesulitannya. Tentunya YBhg. Tan Sri sendiri tidak terkecuali menempuh pelbagai cabaran dalam menggalas beban sepanjang berkhidmat untuk negara. Apakah **pengalaman yang telah mengubah perspektif** YBhg. Tan Sri ketika berada dalam perkhidmatan?

Saya fikir kalau menyebut tentang sukar tentunya setiap kerjaya akan ada kesukaran dan halangan masing-masing, mungkin sukar kerana beban kerja yang berat atau konteks tugasan yang kompleks. Tetapi, cubalah mencari jalan yang terbaik untuk menangani kesukaran tersebut seperti simpulan bahasa '*when life gives you lemon, make lemonade*'.

Contohnya, pengalaman ketika saya mewakili Malaysia sebagai ahli bagi *Malaysia-Thailand Joint Authority* (MTJA) telah mengajar saya bahawa sesuatu konflik yang dilihat dari sudut pandangan yang berbeza secara terbuka boleh mengubah situasi dan perbezaan antara pihak-pihak yang pada awalnya mungkin menimbulkan konflik boleh berubah menjadi satu peluang, seterusnya membawa kepada kebaikan bersama.

Kemudiannya, apabila wabak COVID-19 menular, semua rentak kerja perlu diubah terutamanya yang berkaitan dengan pelaksanaan pelbagai polisi dan keputusan kerajaan dalam menangani penularan dan

kesan wabak COVID-19. Ketika itu, hampir semua pihak terpaksa melalui kehidupan yang berbeza sama ada di tempat kerja atau di luar pejabat mengikut norma baharu. Dari situ, saya percaya pandemik COVID-19 telah mengajar masyarakat dunia bahawa manusia perlu pantas dalam menyesuaikan diri dengan apa jua cabaran dan perubahan yang mendatang, *like a chameleon*.

Motivasi dalam kerjaya merupakan antara perkara penting untuk meningkatkan produktiviti dan memastikan kelangsungan sesuatu perkhidmatan. Untuk YBhg. Tan Sri sendiri, apakah perkara yang memberikan motivasi dan kepuasan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang digalas?

Motivasi dan kepuasan untuk saya adalah apabila saya boleh berbangga dengan hasil tugasan yang terbaik apabila sesuatu kerja itu selesai. *I like to see the fruits of my labour*. Ketika di mahkamah, saya gembira kerana telah menyelesaikan penulisan semua alasan penghakiman saya tanpa ada yang tertangguh. Penyediaan alasan penghakiman mungkin merupakan suatu tugasan yang sukar tetapi bagi saya ia memberikan saya kepuasan apabila setiap butiran, fakta, undang-undang dan pemerhatian atau analisis itu disusun dalam penulisan dengan teratur sehingga menghasilkan suatu alasan penghakiman yang boleh menjadi panduan dan rujukan yang baik untuk rakyat Malaysia.



Malay Mail – Gambar oleh Azinuddin Ghazali
<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/03/08/idrus-harun-reappointed-as-ag-to-serve-one-more-year/2046212>

Di AGC pula, kepuasan itu diperoleh daripada pelbagai isu atau situasi menarik yang menggerakkan minda saya kerana terdapat pelbagai jenis tugas yang tidak hanya tertakluk pada isu sivil dan jenayah. Seorang pegawai undang-undang mungkin akan berhadapan dengan isu tatatertib, pembangunan, tanah, pentadbiran, polisi, perlembagaan, penggubalan undang-undang dan sebagainya. Saya berkesempatan untuk merasai semua kategori tugasan di AGC dan *my working life and experiences become so colourful.*

Berdasarkan pemerhatian YBhg. Tan Sri, secara amnya apakah **kekuatan dan kelemahan** pegawai yang baru sahaja memulakan langkah bertugas dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan?

Pegawai yang baru menyertai perkhidmatan lazimnya masih segar dan terbuka untuk menerima maklumat, ilmu dan konsep baharu. Mereka wajar mengambil kesempatan dan menimba ilmu dan pengalaman dengan sebaik mungkin. Senior and junior officers perlu bijak dalam menguruskan isu perbezaan sesama mereka dan mencari manfaat di sebalik perbezaan tersebut.

Pada pandangan YBhg. Tan Sri, apakah **sikap yang perlu dipupuk dan dikikis** oleh setiap pegawai undang-undang supaya dapat mendatangkan impak yang lebih positif dalam perkhidmatan?

Pegawai undang-undang perlu sentiasa memupuk rasa tanggungjawab terhadap amanah kerja yang ditugaskan kepada mereka kerana ini adalah cara kita berkhidmat untuk rakyat dan negara. Sikap malas serta tidak berintegriti dalam melaksanakan tugas perlu dikikis dan dibuang daripada diri.

Apakah **moto atau prinsip kerjaya dan kehidupan** yang sentiasa dipegang oleh YBhg. Tan Sri dari dulu sehingga kini?

Jaga amanah kerja, laksanakan tanggungjawab dankekalkan integriti dalam sebarang tindakan.



Baiklah YBhg. Tan Sri, akhir kata mungkin YBhg. Tan Sri boleh memberikan sedikit panduan buat warga ILKAP mengenai **penambahbaikan** yang boleh dilakukan di ILKAP untuk meningkatkan mutu perkhidmatan?

Setakat ini saya melihat ILKAP bersikap terbuka dalam menghadapi perubahan norma baharu dengan pelaksanaan program latihan secara dalam talian. *Keep up the good work.* Walaupun pandemik COVID-19 kini telah menjadi suatu endemik, mungkin ILKAP boleh menaik taraf sistem penyampaian program latihan

dan kurikulum latihan supaya ia boleh dilaksanakan sama ada secara fizikal atau dalam talian, *interchangeably* kerana saya percaya kedua-dua kaedah penyampaian program latihan itu mempunyai manfaat tersendiri.

Terima kasih atas kata semangat tersebut YBhg. Tan Sri. Dengan ini, bagi pihak sidang redaksi Insight ILKAP Bil. 1/2022 dan bagi pihak ILKAP secara keseluruhannya, jutaan terima kasih diucapkan atas kesudian menerima jemputan kami untuk ditemu bual. Semoga hubungan baik antara YBhg. Tan Sri dan ILKAP akan terus berkekalan, insya-Allah. Assalamualaikum WBT.

Artikel


DISCLAIMER: The information contained in this document is for general information purposes only. While we endeavour to keep the information up to date and correct, we make no representations or warranties of any kind, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to this document for any purpose. Any opinion expressed is the personal opinion of the contributors. Nothing in this document constitutes, or is meant to constitute advice of any kind. Any reliance any person place on such information is therefore strictly at the person's own risk. In no event will we be liable for any loss or damage including without limitation, indirect or consequential loss or damage, or any loss or damage whatsoever arising from loss of data or profits arising out of, or in connection with, the use, reference to, or reliance of this document.

GENERAL OVERVIEW: CIVIL AVIATION LEGISLATION FRAMEWORK IN MALAYSIA

By Nor Hafiza binti Kamardin

Senior Federal Counsel

International Affairs Division, Attorney General's Chambers Malaysia



INTRODUCTION

International Civil Aviation Organization ("ICAO") is a United Nations' specialised agency in the field of civil aviation, mandated to promote the safety of international civil aviation and charged with coordinating and regulating civil aviation matters. ICAO was created in 1944 upon the signing of the Convention on International Civil Aviation ("Chicago Convention").

In a book written by Ronald I.C Bartsch, "The International Civil Aviation Law: A Practical Guide", he highlights that the Chicago Convention is the vital instrument of public international aviation law¹. At present, the Chicago Convention is supported by nineteen annexes containing standards and recommended practices ("SARPs") established by the ICAO.

It is interesting to note that Malaysia is a signatory and Contracting State to the Chicago Convention². As a Contracting State, Malaysia undertakes to adopt international standards as prescribed by the ICAO.

¹ Bartsch, I.C. R, "International Aviation Law: A Practical Guide", Routledge, United Kingdom (2012).

² "Status of the Chicago Convention", at <[https://www.icao.int/secretariat/legal/List%20of%20Parties/Chicago_EN.pdf](https://www.icao.int/secretariat/legal>List%20of%20Parties/Chicago_EN.pdf)> accessed 15 February 2022.

The ICAO Council ("Council") is a permanent body of the ICAO responsible to the ICAO Assembly ("the Assembly") which comprises of thirty-six Contracting States elected by the Assembly for a three-year term³. Malaysia is honoured to sit on the Council of the ICAO. Malaysia has been a Council member of ICAO since 2007 and has since maintained membership in the Council for five consecutive terms.

ICAO Universal Safety Oversight Audit Programme ("USOAP") is a programme through which ICAO monitors the fulfilment of the safety oversight obligations by its Contracting States to ensure the implementation of ICAO's safety-related SARPs and associated procedures and guidance material⁴, whilst ICAO Universal Security Audit Programme (USAP) is conducted to assess compliance with the security SARPs vis-à-vis Annex 17 to the Chicago Convention⁵.

As for Malaysia, ICAO had conducted a USOAP audit in 2005 and 2016 as well as a continuous monitoring process audit on Malaysia, where no "Significant Safety Concern"⁶ ("SSC") was flagged by the ICAO. According to ICAO, where SSC is detected, it indicates that the Contracting State is not providing sufficient safety oversight to ensure the effective implementation of applicable ICAO Standards.

Similarly, Malaysia was not given the Significant Security Concerns ("SSeC") during the last audit conducted on Malaysia for USAP in 2021. Different from SSC, SSeC occurs when the appropriate authority responsible for aviation security permits aviation activities to continue despite a lack of effective implementation of the minimum-security requirements as outlined in Annex 17 to the Chicago Convention⁷.

³ "The ICAO Council", at <<https://www.icao.int/about-icao/Council/Pages/council.aspx>> accessed 15 February 2022.

⁴ "Frequently Asked Questions about USOAP", at <<https://www.icao.int/safety/CMAForum/Pages/FAQ.aspx>> accessed 15 February 2022.

⁵ "Background and Evolution", at <<https://www.icao.int/usap/pages/default.aspx>> accessed 15 February 2022.

⁶ "Safety Audit Results: USOAP interactive viewer", at <<https://www.icao.int/safety/pages/usoap-results.aspx>> accessed 15 February 2022.

⁷ "Limited Transparency and Significant Security Concerns", at <<https://www.icao.int/Security/USAP/Pages/Limited-Transparency-and-Significant-Security-Concerns.aspx>> accessed 15 February 2022.

CIVIL AVIATION ECONOMIC AND TECHNICAL REGULATOR IN MALAYSIA

The aviation sector in Malaysia is regulated by two regulating bodies, namely the Civil Aviation Authority of Malaysia ("CAAM") on technical aspects and the Malaysian Aviation Commission ("MAVCOM") on economic matters.

Prior to 19 February 2018, the functions of CAAM are carried out by the Department of Civil Aviation ("DCA") which is a government department under the Ministry of Transport. Thereafter, the DCA was incorporated into a statutory body known as CAAM under the Civil Aviation Authority of Malaysia Act 2017 [Act 788].

The incorporation of CAAM is in line with the requirement of the ICAO which has called upon the Contracting States to establish an autonomous civil aviation authority to ensure efficient management of the safety and security of civil aviation.



With the establishment of CAAM as a statutory body, CAAM will have greater flexibility to attract and retain qualified technical personnel in matters relating to civil aviation to ensure that the national and international obligations of Malaysia in matters relating to civil aviation can be carried out, and the universal safety and security standards and requirements in civil aviation are implemented, complied with and well-maintained.

Apart from CAAM, Parliament has also passed the Malaysian Aviation Commission Bill 2015 to establish the MAVCOM to regulate economic matters relating to the civil aviation industry. The Malaysian Aviation Commission Act 2015 [Act 771] came into effect on 1 March 2016.

The MAVCOM is the first economic regulatory body in Southeast Asia that comprehensively regulates the industry and consumers in the aviation sector. Matters relating to the regulation of technical aspects and safety are still maintained under the jurisdiction of CAAM.

CIVIL AVIATION SAFETY AND TECHNICAL LEGISLATION FRAMEWORK

In theoretical terms, the application of international legal systems is often explained in terms of the doctrines of incorporation (monism) and transformation (dualism)⁸. Based on the constitutional framework of Malaysia, the doctrine of “dualism” is applicable in Malaysia where the doctrine of transformation, holds that the two systems of law i.e. international law and municipal law, are completely separate. This in effect means, any rule of international law can only become part of municipal law if and when it is transformed into municipal/domestic law by the passing of local legislation⁹. In other words, as a dualist country, for a treaty to be operative in Malaysia, it requires enforcement of domestic legislation.

International obligations in respect of civil aviation which are prescribed by the ICAO are imposed on the Contracting States. Article 37 of the Chicago Convention requires Contracting States to “collaborate in securing the highest practicable degree of uniformity regulations, standards, procedures” as prescribed by the ICAO.

Pursuant to Malaysia’s dualist approach, the Civil Aviation Act 1969 [Act 3] had been legislated to give effect to the application of the Chicago Convention and its Annexes. Act 3 does not provide detailed provisions of the obligations as stipulated in the Chicago Convention and its Annexes.

Be that as it may, subsection 3(1)¹⁰ of Act 3 is intended by the Malaysian Parliament to be the enabling provisions that give the power-making regulation to the Minister to make regulations and give effect to the Chicago Convention and its Annexes. By virtue of this power vested by Parliament vide section 3 of Act 3, the Minister made the subsidiary legislations as follows:

⁸ Air Asia Bhd v Rafizah Shima bt Mohamad Aris [2014] 5 MLJ

⁹ Dinah Shelton (Ed), ‘International Law in Domestic Legal System: Incorporation, Transformation and Persuasion’ (Oxford University Press, 2011)

¹⁰ “Power to give effect to the Chicago Convention and regulate civil aviation

(I) The Minister may make such regulations as he considers necessary or expedient to give effect to and for the better carrying out of the objects and purposes of this Act, to provide generally for regulating civil aviation and for carrying out the Chicago Convention, any Annex to it and any amendments of such Convention and Annexes.”

Civil Aviation Regulations 2016**[P.U.(A) 97/2016]**Codify the safety requirement
of civil aviation**Civil Aviation (Fees and
Charges) Regulations 2016****[P.U.(A) 99/2016]****Civil Aviation (Aerodrome
Operations) Regulations 2016****[P.U.(A) 98/2016]**Codify the control and regulation
of aerodrome operations under
Annex 14 to the Chicago
Convention**Civil Aviation (Security)
Regulations 2019****[P.U.(A) 99/2019]**Codify the security requirement
of civil aviation under Annex 17
to the Chicago Convention.

Due to the dynamic nature of the civil aviation requirements as determined by the ICAO which are subject to amendments from time to time, section 240 of Act 3 empowers the Chief Executive Officer to issue any notice, circular, requirement, directive, or information. There are quite a number of notices, circulars, directives, requirements and information which were issued by the Chief Executive Officer.

All those pieces of legislation; Act 3, subsidiary legislations made under Act 3 together with the notice, circular, requirement, directive, and information under section 240 of Act 3 have the same legal force and they are legally enforceable against and binding on everybody throughout Malaysia.

OTHER CIVIL AVIATION LEGISLATION IN MALAYSIA

Being a dualist country, Malaysia had also codified the Act of Parliament to reflect other international laws relating to civil aviation. Carriage by Air Act 1974 [Act 148] for instance that provides a regime of airline liability gives effect to the provisions of—



Warsaw Convention 1929

Convention for the Unification of Certain Rules
Relating to International Carriage by Air
signed at Warsaw on 12 October 1929



Montreal Convention 1999

Convention for the Unification of Certain Rules
Relating to International Carriage by Air
signed at Montreal on 28 May 1999

Further, Malaysia had also codified a set of international aviation security conventions vis-à-vis the Aviation Offences Act 1984 [Act 307] which give effect to several Conventions and its Protocol—



Convention on Offences and Certain
other Acts Committed on Board
Aircraft
Tokyo, 14 September 1963

Convention for the Suppression
of Unlawful Seizure of Aircraft
The Hague, 16 December 1970

Convention for the Suppression of
Unlawful Acts against the Safety of
Civil Aviation
Montreal, 23 September 1971

On the other hand, the International Interests in Mobile Equipment (Aircraft) Act 2006 [Act 659] gives effect to the provisions of the Convention on International Interests in Mobile Equipment (Cape Town Convention) and its Protocol that facilitates the efficient financing and leasing of aircraft.

CONCLUSION


Apart from establishing the ICAO, the Chicago Convention plays an important role as public international law on civil aviation. Under the framework of the Chicago Convention, a Contracting State undertakes to comply with the international standards as prescribed by the ICAO. Based on the constitutional framework of Malaysia and following the dualist model, the power to give effect domestically to conventions ultimately rests in Parliament. The Chicago Convention and its Annexes are enforceable in Malaysia as a result of it having been incorporated in the Malaysian law.

*ILKAP convey its gratitude to **Madam Nor Hafiza binti Kamardin** from the International Affairs Division, Attorney General's Chambers Malaysia for contributing this article with the readers of ILKAP E-Newsletter (Insight)*

SISTEM PAROL DI MALAYSIA

Oleh Mastura binti Husain

Program Perundangan, Bahagian Latihan ILKAP



PENGENALAN

Pernahkah anda mendengar perkataan parol? Parol atau “pay roll”! Ramai yang keliru dengan sebutan sebenar perkataan ini, sebutan yang betul ialah “parol”. “Parol” merupakan satu kaedah pemulihian yang diperkenalkan oleh Jabatan Penjara Malaysia kepada banduan di Malaysia. Seksyen 46A Akta Penjara 1995 [Akta 537] mentafsirkan perkataan “parol” sebagai pelepasan seseorang banduan untuk menjalani mana-mana bahagian hukuman pemenjaranya di luar penjara menurut suatu Perintah Parol. Sistem Parol diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2008 melalui pindaan kepada Akta 537 iaitu Akta Penjara (Pindaan) 2008 [Akta 7332] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2008.

TUJUAN SISTEM PAROL DIWUJUDKAN

Sistem Parol yang diamalkan oleh Jabatan Penjara Malaysia telah dibangunkan berdasarkan sistem parol di Australia. Mantan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow semasa sesi pembentangan Rang Undang-Undang Penjara (Pindaan) 2007 menjelaskan bahawa tujuan sistem parol diadakan adalah sebagaimana yang berikut:

“Antara lain sistem ini bertujuan:

- (i) untuk mengurangkan kadar recidivist iaitu berulang kali masuk penjara akibat ketidakupayaan banduan menyesuaikan diri dengan masyarakat sekeliling apabila dibebaskan. Selain daripada itu pelaksanaan sistem ini juga dapat membantu banduan menyesuaikan diri dalam masyarakat melalui peranan keluarga, majikan atau anggota masyarakat dalam memulihkan banduan;
- (ii) membantu mengurangkan kesesakan dalam penjara; dan
- (iii) mengurangkan kos operasi penjara kerana bilangan penghuni dalam penjara dapat dikurangkan”¹.



Menurut mantan Timbalan Ketua Pengarah (Pemasyarakatan) Jabatan Penjara Malaysia, Datuk Abdul Aziz Abdul Razak berkata—

“Menerusi sistem ini membolehkan banduan menghabiskan baki hukuman di luar penjara, jadi memudahkan mereka mendekatkan diri dengan keluarga serta masyarakat.

Bukan sekadar itu, ia juga membantu menjimatkan kos kerajaan apabila banduan yang menjalani parol tidak lagi tinggal di dalam penjara malah pelaksanaan sistem ini juga begitu berkesan apabila kadar jenayah berulang orang yang diparol adalah di bawah 0.46 peratus”².

Mantan Ketua Pengarah Penjara, Datuk Seri Zulkifli Omar menjelaskan bahawa kos perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia untuk menampung seorang banduan adalah sebanyak RM41.10 sehari³.

¹ Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat DR.19, 2007 <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-19122007%20-%20edit.pdf>

² Masureen Hadzman, Program Parol Berjaya Kurang Kesesakan, Utusan Malaysia, 17 Disember 2020 https://www.utusan.com.my/_berita/2020/12/program-parol-berjaya-kurang-kesesakan-penjara/

³ Ahmad Rabiul Zulkifli, Jabatan Penjara Malaysia Sasar Lebih Ramai Ikuti Sistem Parol, 22 Julai 2020 [https://www.hmetro.com.my/mutahir/2020/07/602684/jabatan-penjara-malaysia-sasar-lebih-ramai-ikuti-sistem-parol](https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/602684/jabatan-penjara-malaysia-sasar-lebih-ramai-ikuti-sistem-parol)

KELAYAKAN UNTUK MENDAPAT PELEPASAN SECARA PAROL

Banduan yang layak untuk memohon pelepasan parol ialah banduan yang telah disabitkan oleh mahkamah dan dijatuhi dengan hukuman pemenjaraan. Di samping itu, jika terdapat apa-apa rayuan berhubung dengan hukuman pemenjaraannya, hukuman pemenjaraan hendaklah dimuktamadkan oleh mahkamah terlebih dahulu sebelum sesuatu permohonan parol boleh dibuat⁴. Subseksyen 46E(3) Akta 537 memperuntukkan kelayakan bagi banduan untuk membuat permohonan pelepasan secara parol adalah seperti yang berikut:


(a) banduan dihukum minimum satu tahun pemenjaraan bagi apa-apa kesalahan selain kesalahan yang ditetapkan dalam Jadual Keempat

(a)(b) banduan menjalani sekurang-kurangnya seperdua dari tempoh pemenjaraan yang dijatuahkan oleh mahkamah; dan

(c) banduan menjalani program pemulihan yang diluluskan oleh Komisioner Jeneral Penjara semasa menjalani hukuman pemenjaraannya

⁴ Seksyen 46E Akta 537

Jadual Keempat Akta 537 menyenaraikan kesalahan yang tidak layak mendapat pelepasan parol iaitu kesalahan yang melibatkan—

5-6-7-8
,,,

PROSES PERMOHONAN PELEPASAN SECARA PAROL

Jabatan Penjara Malaysia akan mengemukakan permohonan pelepasan secara parol seseorang banduan itu kepada Lembaga Parol yang dilantik di bawah seksyen 46B Akta 537. Lembaga Parol mempunyai kuasa untuk mengeluarkan, menggantung atau membatalkan dan menambah apa-apa syarat atau mengubah mana-mana syarat sesuatu Perintah Parol sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 46c Akta 537.

⁵ Seksyen 376, Seksyen 376B, Seksyen 377B, Seksyen 377C dan Seksyen 377E

⁶ Seksyen 3, Seksyen 3A, Seksyen 4, Seksyen 5, dan Seksyen 7

⁷ Seksyen 3

⁸ Seksyen 6B

Semasa prosiding permohonan pelepasan secara parol, Lembaga Parol akan meneliti dosir parol (profil dan maklumat banduan) dan apa-apa laporan lain yang disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia berdasarkan peruntukan subseksyen 46F(b) Akta 537 dengan mengambil kira perkara yang berikut:




Jika permohonan parol diluluskan, Lembaga Parol akan mengeluarkan perintah parol sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 46D Akta 537. Walau bagaimanapun, sekiranya permohonan tidak diluluskan, subseksyen 46H(2) Akta 537 memperuntukkan bahawa seseorang banduan boleh memohon semula untuk mendapatkan parol selepas enam bulan dari tarikh penolakan/keputusan Lembaga Parol untuk tidak melepaskannya secara parol.

PERINTAH PAROL

Perintah Parol akan dikeluarkan ke atas banduan dan banduan yang dilepaskan di bawah Perintah Parol dipanggil sebagai orang yang diparol (ODP)⁹. ODP akan menjalani Perintah Parol di daerah parol yang ditetapkan sehingga habis baki hukuman pemenjaranya selepas mengambil kira remitan yang diberikan oleh Komisioner Jeneral Penjara¹⁰. Sebanyak 52 daerah parol yang telah diwujudkan di seluruh Malaysia bagi melaksanakan sistem ini. Contohnya di Selangor, empat daerah telah ditetapkan sebagai daerah parol iaitu di Kuala Selangor, Klang, Hulu Selangor dan Hulu Langat¹¹.

Kaedah pengiraan tempoh menjalani Perintah Parol bagi seseorang banduan boleh dilihat dalam Rajah 1.



Lazimnya, ODP akan tinggal bersama-sama dengan keluarga atau di asrama yang disediakan oleh pihak majikan. ODP dibenarkan menjalani program latihan industri di pelbagai sektor seperti dalam sektor pembuatan, pembinaan, perindustrian dan perladangan. Sokongan daripada keluarga dan masyarakat amat diperlukan bagi melatih ODP untuk meneruskan kehidupan bersama masyarakat seperti keadaan normal.

⁹ Seksyen 46A Akta 537 mentafsirkan "orang diparol" sebagai seseorang banduan yang dilepaskan atas suatu Perintah Parol

¹⁰ Subperaturan 43(1)(a) Peraturan-Peraturan Penjara 2000 [P.U. (A) 325/2000] antara lain memperuntukkan bahawa seseorang banduan yang disabitkan yang dihukum dengan suatu tempoh pemenjaraan yang melebihi satu bulan hendaklah diberi remitan satu pertiga daripada hukumannya dengan tujuan untuk menggalakkan kelakuan baik dan kerajinan serta untuk memudahkan proses pemulihian


¹¹ Jabatan Penjara Malaysia

ODP akan dipantau oleh pegawai parol¹² dan mereka diwajibkan mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Parol. Pegawai parol akan membuat pemantauan berdasarkan tahap keseriusan jenayah yang dilakukan oleh ODP.

Sekiranya terdapat pelanggaran kepada syarat yang ditetapkan, ODP akan dikenakan tindakan oleh Lembaga Parol sama ada syarat tersebut akan ditambah atau diubah.¹³ Jika berlaku pelanggaran syarat yang serius, Perintah Parol akan dibatalkan dan ODP akan dimasukkan semula ke dalam penjara bagi menghabiskan baki hukuman di dalam penjara dan apa-apa remitan seseorang ODP akan dibatalkan oleh Komisioner Jeneral Penjara.¹⁴

KEJAYAAN DAN STATISTIK PELEPASAN SECARA PAROL

Berdasarkan statistik daripada Jabatan Penjara Malaysia, seramai **46373**¹⁵ banduan telah diberikan pelepasan parol semenjak lima belas tahun Sistem Parol dilaksanakan di Malaysia. Pada tahun 2021, seramai 7218 banduan diberikan pelepasan parol manakala bagi tahun 2022 setakat 14 Mac 2022, seramai 1415 banduan diberikan pelepasan parol. Pecahan statistik pelepasan secara parol adalah sebagaimana dalam Rajah 2.¹⁶



¹² Sekyen 46A Akta 537 mentafsirkan pegawai parol ertiinya mana-mana pegawai penjara yang ber pangkat tidak rendah daripada Inspektor Penjara yang ditugaskan untuk melaksanakan apa-apa tugas yang ditetapkan di bawah Bahagian ini


¹³ Seksyen 46M Akta 537

¹⁴ Seksyen 46N Akta 537

¹⁵ Setakat 14 Mac 2022

¹⁶ Ibid no. 11

Dari sudut kadar *recidivist*, peratusan ODP melakukan jenayah berulang juga adalah rendah. Statistik *recidivist* bagi tahun 2014 sehingga 2022 adalah sebanyak 0.37% daripada jumlah 39109 banduan yang dilepaskan secara parol pada tahun-tahun tersebut. Pecahan statistik *recidivist* di kalangan ODP bagi tahun 2014 sehingga 14 Mac 2022 adalah sebagaimana dalam Rajah 3¹⁷.



KESIMPULAN

Kesimpulannya, Kerajaan Malaysia khususnya Jabatan Penjara Malaysia sangat komited dalam merangka dan melaksanakan apa-apa kaedah atau sistem pemulihan yang berkesan bagi banduan selaras dengan amalan di peringkat antarabangsa. Penambahbaikan kaedah dan sistem pemulihan banduan dibuat dari semasa ke semasa agar kaedah dan sistem berkenaan terus relevan dan berkesan. Kaedah/Kaedah pemulihan yang berkesan dapat mengurangkan kadar jenayah dalam kalangan bekas banduan dan dengan ini dapat menambah kemaslahatan masyarakat selain membantu rakyat Malaysia berada dalam keadaan yang lebih selamat.

Kaedah pemulihan yang dirangka tidak hanya terhad di dalam penjara tetapi diperluaskan skopnya ke luar penjara. Sistem Parol ini terbukti dapat membantu pemulihan banduan kerana sistem ini melibatkan kerjasama dan penglibatan daripada pelbagai pihak seperti keluarga, majikan dan masyarakat. Kerjasama dan sokongan yang padu daripada semua pihak menjadi faktor pemangkin kepada kejayaan Sistem Parol di Malaysia.

¹⁷ Ibid no. 11

AKTIVITI ILKAP JANUARI – FEBRUARI 2022

MAJLIS BACAAN YASIN 7 JANUARI 2022



MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH ILKAP TAHUN 2022 7 JANUARI 2022



MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH ILKAP TAHUN 2022 7 JANUARI 2022



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN INOVASI ILKAP 2021 7 JANUARI 2022



PROGRAM BICARA INOVASI ILKAP BIL. 1/2022 7 JANUARI 2022



**MESYUARAT BERSAMA DENGAN
MAJLIS PENASIHAT UNDANG-UNDANG UNIVERSITI MALAYSIA (MPPUU)**

12 JANUARI 2022



MESYUARAT ANTARA INTERNATIONAL COMMITTEE OF THE RED CROSS AND RED CRESCENT FOR MALAYSIA, SINGAPORE AND BRUNEI (ICRC) BERSAMA DENGAN JABATAN PEGUAM NEGARA DAN ILKAP: AGC-ICRC PLAN OF ACTION FOR HUMANITARIAN DIALOGUE AND ENGAGEMENT 2022 – 2023

19 JANUARI 2022



MESUARAT JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR) PERINGKAT JABATAN PERDANA MENTERI DAN AGENSI

26 JANUARI 2022




MESUARAT JAWATANKUASA LATIHAN JKSM BIL. 1 TAHUN 2022

29 JANUARI 2022



SAKSI: APA YANG PERLU ANDA KETAHUI?

Oleh Khairunnisa Hazwani binti Omar
Program Penasihat, Bahagian Latihan ILKAP



PENGENALAN

Salah satu bukti yang penting dalam suatu perbicaraan jenayah ialah testimoni daripada saksi. Testimoni bermaksud suatu kenyataan lisan atau bertulis yang diberikan di mahkamah. Saksi pula ialah seorang yang memberikan keterangan bersumpah di mahkamah.

Sudah pasti seseorang yang perlu menjadi saksi bagi sesuatu kes di mahkamah akan merasa gelisah dan gerun dengan pelbagai persoalan bermain di fikiran untuk menghadapi sesi perbicaraan. Bagi mengatasi rasa gelisah dan gerun tersebut, seseorang saksi perlu mengetahui tentang panduan dan tip semasa memberikan keterangan di mahkamah.




1

¹ <https://jcop.vms.my/tips-sebagai-saksi-mahkamah/>

PERANAN DAN KEKOMPETENAN SAKSI DI MAHKAMAH

Saksi merupakan seseorang yang dikehendaki hadir ke mahkamah untuk mengemukakan keterangan secara lisan atau secara dokumen mengenai suatu fakta bagi suatu kes supaya mahkamah dapat membuat keputusan berdasarkan keterangan yang diberikan oleh saksi itu. Mahkamah akan menyerahkan sepinya kepada saksi yang menghendaki saksi itu untuk hadir ke mahkamah bagi memberikan keterangannya. Sekiranya saksi itu gagal hadir, waran tangkap boleh dikeluarkan terhadapnya.



Seksyen 118 Akta Keterangan 1950 [Akta 56] memperuntukkan tentang kompetensi seseorang untuk menjadi saksi seperti yang berikut:

Siapa yang boleh memberikan keterangan

118. *Semua orang adalah berwibawa untuk memberikan keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa mereka tidak boleh memahami soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka atau tidak dapat memberikan jawapan-jawapan yang rasional kepada soalan-soalan itu oleh sebab umur terlalu muda, terlalu tua, penyakit, sama ada penyakit tubuh atau penyakit otak, atau oleh apa-apa sebab lain yang seumpamanya.*

Huraian – Seseorang yang sakit otak atau seseorang gila tidaklah tidak berwibawa untuk memberikan keterangan melainkan jika oleh sebab keadaannya dia tidak boleh memahami soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya dan tidak dapat memberikan jawapan-jawapan yang rasional kepada soalan-soalan itu.²

ETIKA BERPAKAIAN DI MAHKAMAH

Untuk hadir ke mahkamah sebagai saksi, secara umumnya seseorang itu hendaklah berpakaian kemas dan tidak menjolok mata. Di dalam mahkamah, seseorang tidak dibenarkan untuk memakai—

² <https://www.lawnet.com.my/lawlibrary/directsubdocumentdetailsExt/?SubDocumentID=334388>

- seluar pendek
- skirt mini
- jeans
- selipar
- topi keledar



- cermin mata hitam
- jaket tidak formal seperti jaket kulit/denim
- baju tanpa lengan/t-shirt
- pakaian warna terang dan sarat dengan perhiasan

APA YANG BERLAKU DI MAHKAMAH

Apabila memasuki mahkamah, saksi perlu memberikan nama kepada jurubahasa mahkamah untuk memaklumkan kehadirannya. Sekiranya saksi hadir bersama dengan pendakwa/peguam, kebiasaannya pendakwa/peguam yang akan memaklumkan kehadiran saksi kepada jurubahasa. Sepanjang waktu perbicaraan, saksi hendaklah duduk di galeri awam.

Sekiranya masa untuk memberikan keterangan telah tiba, pendakwa/peguam akan meminta izin daripada hakim/majistret untuk memanggil saksi ke hadapan. Saksi hendaklah tampil ke hadapan dan menyerahkan kad pengenalan kepada jurubahasa mahkamah yang kemudiannya akan menyerahkannya kepada hakim/majistret. Kemudian saksi hendaklah pergi ke kandang saksi. Saksi akan diminta untuk mengangkat tangan kanan dan bersumpah bahawa segala keterangan yang diberikan adalah benar belaka.

SOALAN YANG BOLEH DIJANGKAKAN KETIKA MENJADI SAKSI

Terdapat tiga peringkat pemeriksaan semasa proses memberikan keterangan iaitu—



Bagi ketiga-tiga peringkat pemeriksaan di atas, seseorang saksi boleh menjangkakan soalan seperti yang berikut:

PEMERIKSAAN UTAMA

Pemeriksaan utama merujuk pada pemeriksaan terhadap seorang saksi oleh pihak yang memanggilnya. Contohnya, pada peringkat kes pendakwaan pihak pendakwa akan memanggil saksinya untuk memberikan keterangan. Oleh itu, pemeriksaan utama terhadap saksi berkenaan akan dijalankan oleh pihak pendakwa. Perkara ini diperuntukkan dalam subsekyen 137(1) Akta 56 seperti yang berikut:

Pemeriksaan utama, pemeriksaan balas, pemeriksaan semula

137. (1) Pemeriksaan seseorang saksi oleh pihak yang memanggilnya disebut pemeriksaan utamanya.

Tujuan pemeriksaan utama adalah untuk—

membuktikan kes melalui keterangan yang dikemukakan oleh saksi

mengemukakan barang kes dan/atau dokumen sebagai ekshibit

memberikan keterangan dengan jelas, pasti dan menyakinkan agar tidak tergugat semasa peringkat soal balas

Semasa pemeriksaan utama, soalan akan ditanya untuk mewujudkan kes atau menunjukkan penglibatan saksi dalam kes tersebut. Saksi akan ditanya berkenaan dengan pekerjaannya, latihan profesionalnya, pengalamannya, tanggungjawabnya dan sebagainya. Soalan yang ditanya juga akan lebih bersifat terbuka, bermakna saksi akan berpeluang untuk memberikan jawapan dan penerangan yang lebih lengkap. Pada kebiasaannya, pendakwa/peguam akan memberikan taklimat tentang penjalanan sesi perbicaraan dengan saksi sebelum hari perbicaraan supaya saksi boleh menghadapi perbicaraan dengan tenang³.

PEMERIKSAAN BALAS

Pemeriksaan balas merujuk pada pemeriksaan terhadap saksi oleh pihak penentang. Contohnya, pada peringkat kes pendakwaan, selepas pihak pendakwa selesai bertanya soalan kepada saksinya, peguam penentang akan mula membuat pemeriksaan balas terhadap saksi pendakwaan itu. Subsekyen 137(2) Akta 56 memperuntukkan tentang pemeriksaan balas seperti yang berikut:

Pemeriksaan utama, pemeriksaan balas, pemeriksaan semula

137. (2) Pemeriksaan seseorang saksi oleh pihak menentang disebut pemeriksaan balasnya.

³ Ibid

Tujuan pemeriksaan balas adalah untuk—



Pemeriksaan balas hendaklah berhubung dengan fakta relevan tetapi tidak perlu dihadkan pada fakta yang telah diberikan sebagai keterangan oleh saksi itu dalam pemeriksaan utama. Jenis soalan yang boleh ditanya dalam pemeriksaan balas ada dinyatakan di bawah seksyen 146 Akta 56 seperti yang berikut:

Soalan yang sah dalam pemeriksaan balas

146. Apabila seseorang saksi boleh diperiksa balas, maka dia bolehlah ditanya, sebagai tambahan kepada soalan yang disebut terdahulu daripada ini, ditanya apa soalan yang cenderung—

- (a) menguji ketepatannya, kebenarannya atau kebolehpercayaannya;
- (b) menentukan siapa dia dan apakah taraf hidupnya; atau
- (c) melemahkan kebolehpercayaannya dengan mencela wataknya, walaupun jawapan kepada soalan itu mungkin secara langsung atau tidak langsung cenderung melibatkannya dalam jenayah, atau boleh mendedahkan atau mungkin secara langsung atau tidak langsung cenderung mendedahkannya kepada sesuatu penalti atau pelucuthakan.

Semasa pemeriksaan balas, soalan yang ditanya akan lebih bersifat tertutup, iaitu ia hanya memerlukan anda menjawab ‘ya’ atau ‘tidak’ sahaja. Terdapat keadaan saksi akan merasakan pendakwa/peguam cuba untuk menyerangnya. Dalam keadaan ini, saksi janganlah terlalu mengambil hati dengan kelakuan/tutur kata sedemikian kerana pendakwa/peguam itu hanya menjalankan tugasnya sahaja.

Pada peringkat ini, amat penting bagi seseorang saksi untuk terus kekal tenang dan menjawab kesemua soalan mengikut kemampuannya yang terbaik. Sekiranya pendakwa/peguam cuba mengganggu atau melayan saksi dengan kurang hormat, pendakwa/peguam itu hanya akan mempamerkan imej yang buruk kepada hakim/majistret. Ketenangan yang ditunjukkan oleh saksi adalah penting untuk memberikan imej yang baik kepada hakim/majistret dan menjadikan pendakwa/peguam cemas kerana saksi tidak terkesan dengan soalannya.⁴

⁴ Ibid

PEMERIKSAAN SEMULA

Pemeriksaan semula merujuk pada pemeriksaan terhadap seorang saksi oleh pihak yang memanggilnya selepas saksi itu diperiksa oleh pihak penentang dalam pemeriksaan balas. Subseksyen 137(3) Akta 56 memperuntukkan mengenai pemeriksaan semula seperti yang berikut:

Pemeriksaan utama, pemeriksaan balas, pemeriksaan semula

137. (3) Jika seorang saksi telah diperiksa balas dan kemudiannya diperiksa oleh pihak yang telah memanggilnya, maka pemeriksaan itu disebut pemeriksaan semulanya.

Tujuan pemeriksaan semula adalah untuk menjelaskan jawapan bagi soalan yang telah ditanya oleh pihak penentang. Saksi akan ditanya semula oleh pendakwa/peguam yang memanggilnya apa-apa soalan yang tidak dapat dijawab dengan baik atau lengkap dalam pemeriksaan balas. Ketika ini, saksi berpeluang untuk menjawab atau menerangkan jawapan yang telah diberikan olehnya sebelum ini dengan lebih baik atau lengkap. Semasa pemeriksaan semula, soalan yang diajukan adalah terhad pada isu yang telah ditimbulkan semasa pemeriksaan balas dan hendaklah tertumpu pada penghuraian perkara yang disebut dalam pemeriksaan balas sahaja.

Jika mahkamah membenarkan suatu perkara baharu dikemukakan semasa pemeriksaan semula, maka pihak yang satu lagi boleh selanjutnya memeriksa balas atas perkara baharu itu. Perkara ini dinyatakan dalam subseksyen 138(3) Akta 56—


Susunan pemeriksaan dan arahan mengenai pemeriksaan semula

138. (3) Pemeriksaan semula hendaklah tertumpu kepada penghuraian perkara yang disebut dalam pemeriksaan balas; dan jika, dengan kebenaran mahkamah, perkara baru dikemukakan dalam pemeriksaan semula, maka pihak menentang boleh selanjutnya memeriksa balas atas perkara itu.



⁵ https://www.wccpenang.org/01important/books/Surviving_Court_booklet_bm_low.pdf

PANDUAN MENJAWAB SOALAN SEBAGAI SAKSI

	<p>Jangan bercakap bohong</p> <p>Apabila masuk ke kandang saksi, saksi akan bersumpah untuk bercakap benar dan tidak boleh berbohong. Jika saksi berbohong, ia bukan sahaja akan merosakkan kes, malah saksi boleh disabitkan dengan kesalahan sumpah bohong (<i>perjury</i>) yang boleh dihukum dengan penjara. Jika pendakwa/peguam mahir dalam memerangkap saksi yang bercakap bohong, saksi akan terperangkap dengan kata-katanya sendiri.</p>
<p>Jawab hanya apa yang ditanya</p> <p>Saksi harus ingat bahawa mahkamah mempunyai peraturannya sendiri dan segala keterangan yang diberikan oleh saksi adalah terikat dengan Akta 56. Soalan pendakwa/peguam secara amnya hanyalah berkisar tentang kes yang sedang dibicarakan. Saksi tidak akan ditanya dengan soalan yang tidak relevan. Oleh yang demikian, saksi tidak perlu memberikan keterangan selain yang ditanyakan kepadanya sahaja.</p>	
	<p>Fokus</p> <p>Saksi mestilah sentiasa fokus terhadap soalan yang ditanya. Tenangkan fikiran. Saksi dinasihatkan untuk menjaga kesihatan dengan baik dan tidur dengan secukupnya pada malam sebelum hari perbicaraan. Sekiranya saksi tidak fokus semasa perbicaraan, ini boleh menyebabkan saksi tidak dapat menjawab soalan dengan baik dan tepat.</p>
<p>Berhati-hati dengan soalan yang ditanya</p> <p>Jangan terima sesuatu yang dikatakan oleh pendakwa/peguam sebagai fakta hanya semata-mata kerana pendakwa/peguam mengatakan sedemikian. Sekiranya sesuatu itu kedengaran tidak betul, saksi tidak perlu bersetuju dengannya. Saksi hendaklah yakin bahawa dia lebih mengetahui fakta kes berbanding dengan orang lain, termasuklah pendakwa/peguam yang membuat pemeriksaan terhadapnya.⁶ Saksi hendaklah memastikan pendakwa/peguam tidak mengelirukannya dengan soalan yang ditanyakan atau cuba untuk melemahkan tahap keyakinannya dengan bersikap agresif semasa bertanyakan soalan.</p>	

⁶ <https://jcop.vms.my/tips-sebagai-saksi-mahkamah/>

PANDUAN MENJAWAB SOALAN SEBAGAI SAKSI

	<p>Jangan menawarkan maklumat tambahan</p> <p>Saksi hendaklah memberikan jawapan yang ringkas dan padat. Saksi juga tidak perlu menawarkan maklumat tambahan. Sebagai contoh, sekiranya saksi ditanya dengan soalan berapakah bilangan anak, jawapan yang sepatutnya adalah—</p> <p>“Saya ada tiga orang anak” atau hanya “Tiga”.</p> <p>Saksi tidak digalakkan untuk memberikan jawapan yang tidak ditanyakan contohnya—</p> <p>“Saya mempunyai tiga orang anak yang berumur dua, lima dan sepuluh tahun. Seorang lelaki dan dua lagi perempuan”.⁷</p>
	<p>Dengar sebarang bantahan</p> <p>Semasa saksi sedang disoal, saksi hendaklah sentiasa sedar dan peka dengan sebarang bantahan yang dibuat oleh pendakwa/peguam. Ketika saksi sedang disoal, pendakwa/peguam mungkin akan berdiri secara tiba-tiba dan berkata kepada hakim/majistret—</p> <p>“Saya membantah”.</p> <p>Ini bermakna bahawa pendakwa/peguam tidak bersetuju dengan soalan yang sedang ditanya dan tidak mahu saksi menjawab soalan itu. Kemudian, terserah kepada hakim/majistret sama ada menghendaki saksi menjawab soalan itu atau tidak. Sekiranya hakim/majistret memutuskan bahawa saksi perlu menjawab soalan itu, maka beliau akan berkata—</p> <p>“Bantahan ditolak”.</p> <p>Jika ini berlaku, maka saksi perlulah terus menjawab soalan itu. Sebaliknya, jika hakim/majistret merasakan saksi tidak perlu menjawab soalan itu, maka beliau akan menyatakan—</p> <p>“Bantahan diterima”.</p> <p>Dalam hal ini, saksi tidak perlu menjawab soalan itu.⁸</p>

⁷ Ibid⁸ Ibid

	<p>Jaga tingkah laku semasa di dalam kandang saksi</p> <p>Saksi tidak boleh berkomunikasi dengan pendakwa/peguam secara terus ketika sedang memberikan keterangan di dalam kandang saksi. Tingkah laku (<i>demeanour</i>) saksi diperhatikan oleh hakim/majistret dan jika tingkah laku saksi mencurigakan beliau, maka keterangan yang diberikan oleh saksi boleh ditolak.</p>
<p>Sabar</p> <p>Ada kalanya, soalan pendakwa/peguam akan menguji kesabaran saksi yang sedang disoal. Jangan melenting. Saksi hendaklah cuba untuk bersabar dan kekal tenang.</p>	


KESIMPULAN

Saksi memainkan peranan yang penting dalam sistem keadilan jenayah kerana mereka mempunyai maklumat tentang fakta atau perkara yang sedang dipertikaikan di mahkamah. Keterangan daripada saksi akan digunakan oleh hakim/majistret untuk mempertimbangkan keputusannya. Sehubungan dengan itu, seseorang perlu bersedia dan tidak berasa takut atau gentar apabila dipanggil menjadi saksi di mahkamah. Ketahuilah tentang peranan saksi di mahkamah dan jalankan peranan itu dengan jayanya.

PELAKSANAAN AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010 [AKTA 708] DI MALAYSIA

Oleh Nadia binti Fauzi

Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP




PENGENALAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang melaksanakan kawalan eksport barang strategik di peringkat antarabangsa. Seiring dengan perkembangan dan undang-undang semasa, Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708] telah digubal pada tahun 2010 bagi mengawal selia aktiviti perdagangan strategik di Malaysia secara komprehensif dan meyeluruh.

Penggubalan Akta 708 ini melambangkan komitmen Malaysia di bawah *United Nations Security Council Resolution 1540* ("UNSCR 1540") yang menghendaki semua negara ahli untuk mengambil tindakan dan menguatkuasakan langkah yang berkesan untuk mewujudkan suatu kawalan domestik bagi menghalang percambahan senjata nuklear, kimia atau biologi dan sistem penghantarnya, termasuklah mengadakan kawalan yang bersesuaian ke atas material yang berkaitan.

Bagi tujuan ini, negara ahli hendaklah mewujudkan, membangunkan, menyemak dan menyenggara kawalan eksport dan *transhipment* yang sewajarnya terhadap barang tersebut termasuklah kawalan berkenaan dengan eksport, transit, pemindahan dan pengeksportan semula¹.

¹ The United Nations Security Council Resolution 1540. Sebagai negara ahli kepada Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia terikat dengan Artikel 25 dan 48 *United Nations Charter* bagi pematuhan dan pelaksanaan Resolusi tersebut.



UN Photo/H. Arvidsson

2

Penggubalan Akta 708 bukan merupakan suatu proses yang mudah memandangkan cadangan untuk menggubal Akta 708 pernah dibuat pada tahun 2005. Walau bagaimanapun, cadangan berkenaan tidak disambut oleh mana-mana pihak sama ada agensi kerajaan atau *political will* untuk direalisasikan. Namun begitu, pada tahun 2009, mantan Perdana Menteri Malaysia, YBhg. Dato' Seri Mohammad Najib bin Tun Abdul Razak, menyokong idea penggubalan Akta 708 dan seterusnya mengarahkan Jabatan PEGUAM NEGARA untuk menggubal Rang Undang-Undang Perdagangan Strategik sehingga dimuktamadkan dan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2010.³

Pewartaan Akta 708 dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* menunjukkan kepada semua pihak bahawa Malaysia telah mempunyai perundangan yang sewajarnya secara domestik bagi mengatasi permasalahan percambahan dan pemerdagangan barang dan teknologi yang berkaitan dengan *weapons of mass destruction* ("WMD")⁴. Pewartaan Akta 708 ini juga menunjukkan komitmen Malaysia sebagai negara ahli di bawah UNSCR 1540 dan seterusnya memenuhi obligasi Malaysia di peringkat antarabangsa.

PELAKSANAAN AKTA 708

Pelaksanaan Akta 708 telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ("MITI") melalui penubuhan Sekretariat Perdagangan Strategik.

Bagi melaksanakan fungsi di bawah Akta 708 ini, YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri diberi kuasa untuk melantik seorang Pengawal Perdagangan Strategik ("Pengawal") dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik bagi melaksanakan fungsi dan kewajipan serta menjalankan kuasa di bawah seksyen 5 Akta 708 seperti yang berikut:

² <https://www.state.gov/wp-content/uploads/2018/11/UNSCR-1540.pdf>

³ Implementation and Enforcement of Strategic Trade Controls in Malaysia oleh YBhg. Datuk Mohamed Shahabar Abdul Kareem, STR Journal Volume 2, Issue 2, ms 104-105

⁴ Ibid

STRATEGIK

Pelantikan Pengawal, dsb.

- 5.** (1) Menteri boleh melantik, dari kalangan pegawai awam, seorang Pengawal Perdagangan Strategik dan seorang Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik.
- (2) Pengawal hendaklah melaksanakan fungsi dan kewajipan yang dikenakan dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.
- (3) Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik boleh melaksanakan segala fungsi dan kewajipan yang dikenakan dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Pengawal di bawah Akta ini.
- (4) Pengawal boleh melantik mana-mana pegawai awam dan mana-mana pegawai lain yang perlu untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.
- (5) Pengawal hendaklah mempunyai arahan dan kawalan am ke atas Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik dan pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (4).

Pengawal mempunyai fungsi dan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6 Akta 708 seperti yang berikut:

Fungsi dan kuasa Pengawal

- 6.** (1) Pengawal hendaklah, berhubung dengan barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad, mempunyai fungsi yang berikut:
- (a) menguruskan barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad di bawah Akta ini, termasuk mengeluarkan permit dan mendaftarkan broker setakat yang ia tidak selainnya diperuntukkan di bawah undang-undang yang berkaitan;
- (b) mengeluarkan garis panduan untuk menguruskan permohonan bagi permit dan pendaftaran;

- (c) mengeluarkan garis panduan untuk menguruskan permohonan bagi mengeksport barang tidak tersenarai;
 - (d) mengeluarkan arahan atau garis panduan mengenai pelaksanaan proses penapisan eksport;
 - (e) mengeluarkan senarai yang menetapkan orang yang tidak boleh dikeluarkan permit dan orang yang tidak boleh didaftarkan sebagai broker;
 - (f) mendapatkan bantuan daripada mana-mana kerajaan, organisasi antarabangsa atau orang dalam melaksanakan Akta ini;
 - (g) membuat apa-apa yang bersampingan atau bersesuaian dengan pelaksanaan mana-mana fungsi yang disebut dalam perenggan (a) hingga (f).
- (2) Pengawal hendaklah mempunyai segala kuasa yang diperlukan bagi, atau yang berkaitan dengan, atau yang dengan munasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.
- (3) Pengawal hendaklah mempunyai arahan dan kawalan am ke atas pegawai diberi kuasa bagi maksud mengawal selia barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad di bawah Akta ini.

Berdasarkan seksyen 6 Akta 708 di atas, Pengawal mempunyai fungsi dan kuasa yang luas dalam mengawal selia dan menguatkuaskan Akta 708. Antara contoh fungsi dan kuasa yang boleh dilakukan oleh Pengawal adalah di bawah perenggan 6(1)(f) Akta 708 yang menyatakan bahawa Pengawal boleh mendapatkan bantuan daripada mana-mana kerajaan, organisasi antarabangsa atau orang lain dalam melaksanakan Akta 708. Dalam hal ini, Pengawal boleh bekerja rapat dengan beberapa agensi antarabangsa seperti *US Department of State, US Export Control and Related Border Security Program (EXBS), US Department of Energy (DOE)* dan pelbagai agensi lain⁵.

Dalam menguatkuaskan Akta 708, Pengawal turut mendapat bantuan daripada pegawai diberi kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 25A Akta 708. Pegawai diberi kuasa mempunyai kuasa untuk menjalankan semua kuasa penguatkuasaan di bawah Bahagian V Akta 708⁶. Seksyen 25A Akta 708 menyatakan seperti yang berikut:

⁵ <https://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/7340>

⁶ Seksyen 26 hingga 46 Akta 708

Pegawai diberi kuasa

25A. Pegawai yang berikut hendaklah menjadi pegawai diberi kuasa bagi maksud Akta ini dan boleh menjalankan semua kuasa penguatkuasaan:

- (a) mana-mana pegawai kastam;
- (b) mana-mana pegawai polis;
- (c) mana-mana pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (d) mana-mana pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
- (e) mana-mana pegawai Lembaga Perlesenan Tenaga Atom;
- (f) mana-mana pegawai Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan;
- (g) mana-mana pegawai Bank Negara Malaysia;
- (h) mana-mana pegawai Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- (i) mana-mana pegawai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan; dan
- (j) mana-mana pegawai lain yang ditentukan oleh Pengawal.

APAKAH “BARANG STRATEGIK” DI BAWAH AKTA 708?

Menteri boleh menetapkan apa-apa barang sebagai barang strategik melalui suatu perintah yang disiarkan dalam *Warta* seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta 708 yang berikut:

Barang strategik

7. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan apa-apa barang sebagai barang strategik bagi maksud Akta ini.
- (2) Jika apa-apa persoalan berbangkit tentang sama ada apa-apa barang adalah atau tidak termasuk dalam kelas barang yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), persoalan itu hendaklah diputuskan oleh Pengawal.

Dalam hal ini, penetapan barang strategik dibuat oleh Menteri melalui Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 [P.U.(A) 485/2010] yang menyenaraikan barang strategik yang berkategori barang ketenteraan⁷ dan barang dwi-guna⁸. Secara ringkas, terdapat 10 kategori barang strategik yang dikawal di bawah Akta 708 seperti yang berikut:



Barang strategik yang dinyatakan di atas dikawal melalui pengeluaran permit di bawah seksyen 9 Akta 708 yang menyatakan seperti yang berikut:

Eksport, pemindahan dan transit barang strategik dan barang tidak tersenarai


9. (1) Tiada seorang pun boleh mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang strategik melainkan jika orang itu mendapatkan permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(2) Tiada seorang pun boleh mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang strategik atau barang tidak tersenarai kepada pengguna akhir terhad yang dinyatakan dalam subseksyen 8(1) melainkan jika orang itu mendapatkan permit khas yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

⁷ Berdasarkan P.U. (A) 485/2010, "barang ketenteraan" ertinya barang yang semata-mata atau direka bentuk atau diubah suai bagi maksud ketenteraan, termasuk mana-mana bahagian atau komponennya dan termasuk teknologi yang diperlukan untuk pembangunan, penghasilan atau penggunaan mana-mana barang ketenteraan

⁸ Berdasarkan P.U. (A) 485/2010, "barang dwi-guna" ertinya barang yang boleh digunakan bagi maksud bukan ketenteraan dan ketenteraan atau berkaitan dengan kecambahan senjata pemusnah besar-besaran dan termasuk teknologi yang membolehkan pembangunan, penghasilan atau penggunaan barang dwi-guna

Pelanggaran kehendak permit di bawah Akta 708 merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 9 Akta 708 dan kesalahan tersebut merangkumi kesalahan yang dilakukan dengan niat dan tanpa niat.



Hukuman yang berat ini menunjukkan keseriusan kesalahan yang berkaitan dengan pengeksporatan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang strategik tanpa permit dan keperluan untuk mengawal aktiviti pengeksporatan, pemindahan, transit dan pembrokeran barang strategik tersebut.

Antara kesalahan berat yang dikenal pasti di bawah Akta 708 adalah seperti yang berikut:

Subseksyen	Kesalahan Berat
9(4)	Eksport, pemindahan atau membawa dalam transit barang strategik tanpa permit
9(5)	Eksport, pemindahan atau membawa dalam transit barang strategik atau barang tidak tersenarai kepada pengguna akhir terhad tanpa permit khas
9(6)	Eksport, pemindahan atau membawa dalam transit barang strategik atau barang tidak tersenarai kepada pengguna akhir terlarang

10(2)	Pemberian bantuan teknikal di dalam atau di luar Malaysia yang diniatkan untuk digunakan berkaitan dengan aktiviti terhad
11(2)	Pembrokeran barang strategik tanpa didaftarkan sebagai broker barang strategik
12(4)	Kegagalan untuk memaklumkan pihak berkuasa tentang niat untuk melakukan transaksi yang melibatkan barang tidak tersenarai yang akan atau mungkin digunakan bagi suatu aktiviti terhad
18(2)	Penggunaan permit tanpa kebenaran

Selain kesalahan di atas, terdapat kesalahan lain yang turut dikenal pasti di bawah Akta 708 seperti yang berikut:

Seksyen/ Subseksyen	Kesalahan
21	Penggantungan permit atau pendaftaran apabila hilang kelayakan
21(4)	Hilang kelayakan disebabkan oleh kegagalan pendaftaran bagi pembrokeran
23(2)	Kegagalan untuk memberikan maklumat perintah mahkamah untuk diendorskan dalam permit atau pendaftaran
24(4)	Kegagalan untuk menyenggara, menyimpan atau menyediakan daftar
33(1)	Kegagalan untuk membenarkan pegawai diberi kuasa untuk memeriksa pengangkutan atau enggan untuk memberikan maklumat atau dokumen apabila diminta
40	Kesalahan berkenaan dengan maklumat
46(2)	Menghalang, menggalang atau mengganggu pegawai diberi kuasa dalam menjalankan fungsinya
51(3)	Kegagalan untuk memberikan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan

KESIMPULAN

Pelaksanaan Akta 708 adalah penting dalam penguatkuasaan kawalan aktiviti pengeksportan, pemindahan, transit dan pembrokeran barang strategik secara domestik dan seterusnya memenuhi obligasi Malaysia di peringkat antarabangsa di bawah UNSCR 1540. Kawalan yang berterusan daripada pihak berkuasa juga akan dapat memastikan bahawa perdagangan barang strategik dapat dijalankan dalam keadaan yang terkawal dan selamat.

Selain itu, penguatkuasaan Akta 708 ini akan membuka mata masyarakat bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa memandang serius dalam mengawal selia aktiviti pengeksportan, pemindahan dan transit barang strategik, khususnya yang melibatkan keselamatan negara. Dengan pewartaan Akta 708, Malaysia telah mengambil segala langkah yang sewajarnya bagi melindungi negara daripada menjadi pusat transit barang strategik terutamanya bagi tujuan percambahan senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantaranannya.

AKTIVITI ILKAP MAC – APRIL 2022

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021

16 MAC 2022





BENGKEL PEMANTAPAN BAHASA MELAYU (INTENSIF)

30 – 31 MAC 2022



MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH ILKAP BIL. 2 TAHUN 2022

1 APRIL 2022




MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH ILKAP BIL. 2 TAHUN 2022

1 APRIL 2022



PROGRAM IHYA RAMADHAN: ADA APA DENGAN RAMADHAN

1 APRIL 2022



MAJLIS PERSARAAN DAN JASAMU DIKENANG

1 APRIL 2022












INISIATIF PEREKAYASAAN PROSES DAN PROSEDUR KERJA [*BUSINESS PROCESS REENGINEERING (BPR)*] DALAM SEKTOR AWAM

Oleh Ros Afida binti Abu Kassim

Bahagian Pengurusan ILKAP



PENGENALAN

Kerajaan sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha untuk memenuhi harapan dan kehendak rakyat serta pelanggan bagi memperoleh perkhidmatan yang cekap, cepat dan efisien yang disediakan oleh agensi kerajaan. Pelbagai langkah telah diambil untuk memperkuuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam seperti mengurangkan kerenah birokrasi dengan mempermudah dan memperkemas sistem/prosedur kerja, memantapkan pengurusan borang, proses dan kelulusan serta mengkaji semula undang-undang dan peraturan. Langkah ini disokong dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang meluas dan penyediaan perkhidmatan melalui pelbagai saluran yang boleh dicapai pada bila-bila masa dan di mana-mana juga.¹

Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja [*Business Process Reengineering ("BPR")*] merupakan suatu analisis dan reka bentuk semula aliran kerja dan proses dalam atau merentasi sesuatu organisasi secara radikal dan berimpak tinggi bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan sektor awam. BPR melibatkan perubahan budaya kerja dalam semua peringkat proses dan prosedur kerja bagi mencapai prestasi yang lebih tinggi dari segi kos, kualiti, perkhidmatan dan masa.²

¹ <https://www.mampu.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/manual-bpr.pdf>

² <https://www.mampu.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/glosari-bpr.pdf>

TUJUAN DAN KELEBIHAN BPR

Kementerian/Jabatan/Agenzi (“Sektor Awam”) akan melaksanakan kajian semula prosedur dan proses kerja terpilih dengan mengguna pakai kaedah-kaedah dan *tools* bidang pengurusan yang bersesuaian.

Melalui BPR, Sektor Awam akan berupaya—




PELAKSANAAN BPR

Pada tahun 2002, kerajaan telah mengeluarkan **Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2002: Garis Panduan Semakan Semula Prosedur dan Proses Kerja di Agensi Kerajaan (“PKPA Bil. 1/2002”)** sebagai panduan kepada Sektor Awam dalam melaksanakan semakan semula prosedur dan proses kerja sedia ada dan ia juga merupakan satu kaedah untuk memastikan penambahan yang berterusan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan berlaku dalam organisasi masing-masing. PKPA Bil. 1/2002 dikeluarkan untuk membantu Sektor Awam mengkaji kaedah, proses dan prosedur kerja bagi menghapuskan pertindihan dan kerenah birokrasi yang tidak selaras dengan keperluan dan kemajuan teknologi semasa.

Pada tahun 2009, MAMPU menghasilkan **Manual dan Kit Kerja Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja** untuk memberikan panduan mengenai tatacara BPR bagi kegunaan Sektor Awam.

Sektor Awam perlu sentiasa melaksanakan penambahbaikan kepada proses dan prosedur kerja supaya selari dengan keperluan dan kehendak semasa. Proses dan prosedur kerja perlulah bersifat dinamik dan fleksibel secara berterusan bagi memastikan fungsi pengurusan sentiasa cekap dan berkesan untuk mencapai matlamat organisasi. Salah satu pendekatan yang dilaksanakan adalah melalui BPR.

Inisiatif BPR sektor awam merangkumi tumpuan secara menyeluruh terhadap proses dan prosedur kerja yang meliputi perkhidmatan teras, perkhidmatan sokongan serta aspek pengurusan dan rangkaianya. Sektor Awam didedahkan secara *hands-on* tentang kaedah menambah baik proses dan prosedur kerja yang telah dikenal pasti. Pendekatan ini membolehkan Sektor Awam mendapat pemahaman dan kemahiran yang lebih mendalam terhadap BPR dan seterusnya dapat melaksanakannya dalam proses kerja yang lain. Secara umumnya, pelaksanaan BPR di Sektor Awam melibatkan lima (5) fasa seperti dalam rajah di bawah—



Pendekatan yang radikal diguna pakai dengan menjadikan ICT sebagai pemboleh ubah untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan menambah baik proses dan prosedur kerja sedia ada (*As-Is*) yang terpilih di organisasi masing-masing. Elemen peningkatan produktiviti, tempoh masa yang lebih singkat, pengurangan kos operasi, penggunaan sumber manusia yang optimum dalam setiap proses dan prosedur kerja yang telah direkayasa (*To-Be*) diperoleh daripada khidmat runding/khidmat nasihat bersama dengan MAMPU. Semua *output* tersebut akan menyumbang kepada *outcome* proses dan prosedur kerja yang lebih tersusun, mantap, berinovasi serta perubahan budaya kerja yang lebih baik. Ini dapat meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan Sektor Awam seiring dengan kehendak dan harapan rakyat.

Kepentingan penjenamaan semula penyampaian perkhidmatan Sektor Awam melalui usaha BPR amat kritikal bagi—



Perkembangan globalisasi yang berlaku secara dinamik serta teknologi yang berkembang pesat mencabar Sektor Awam untuk melakukan perubahan dalam aspek penyampaian perkhidmatan dengan meneliti semula proses dan prosedur kerja sedia ada supaya kekal relevan dalam persekitaran semasa.


Melalui PKPA Bil. 1/2002, ketua jabatan perlu memantau hasil semakan semula prosedur/proses kerja yang terlibat bagi tujuan penambahbaikan secara berterusan terhadap prosedur/proses kerja yang diamalkan di organisasi masing-masing. Pelaksanaan inisiatif BPR perlu mendapat sokongan pengurusan tertinggi dan/atau pemegang taruh (*stakeholder*) bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif yang melibatkan keperluan semakan semula proses/prosedur kerja sedia ada dalam organisasi.

CABARAN PELAKSANAAN BPR

Lazimnya, pelaksanaan sesuatu perkara akan mendatangkan cabaran dan pelaksanaan BPR adalah tidak terkecuali. Selain aspek jumlah peruntukan dan tempoh masa terlibat bagi suatu cadangan proses kerja baharu (*To-Be*) untuk dilaksanakan yang perlu diambil kira oleh Sektor Awam, perubahan hala tuju organisasi mengikut keperluan semasa dan kehendak pemegang taruh (*stakeholder*) turut mempengaruhi komitmen organisasi untuk melaksanakan BPR.

Bagi proses kerja yang melibatkan akta tertentu pula, sebarang perubahan pada proses kerja sedia ada (*As-Is*) perlu mengambil kira pindaan terhadap akta berkenaan sebelum cadangan proses kerja baharu dapat direalisasikan. Tempoh masa panjang yang diambil bagi pindaan akta menyebabkan sasaran (jangkaan) pelaksanaan proses kerja baharu sukar ditentukan.

Terdapat juga situasi apabila prosedur kerja baharu melibatkan pihak ketiga yang menjelaskan kelancaran pelaksanaan BPR. Ini kerana keperluan pelaksanaan BPR dalam organisasi adalah berbeza sama ada dari segi arahan pengurusan tertinggi, kepentingan Sektor Awam untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan organisasi, perubahan persekitaran seperti globalisasi dan pendigitalan proses kerja atau pengintegrasian proses kerja. Contohnya, bagi cadangan proses kerja baharu yang melibatkan pengautomasian permohonan lesen, tempoh masa sasaran (jangkaan) pelaksanaan proses kerja baharu berada di luar kawalan Sektor Awam. Garis masa sistem siap dibangunkan adalah berdasarkan perancangan dan pembangunan sistem yang dilaksanakan oleh vendor/kontraktor. Ini mengakibatkan tertangguhnya pelaksanaan inisiatif BPR di Sektor Awam walaupun gerak kerja pada peringkat organisasi telah dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.



KESIMPULAN

Pelaksanaan inisiatif BPR pada masa ini merupakan suatu garis panduan yang diwujudkan melalui PKPA Bil. 1/2002. Sektor Awam digalakkan untuk melaksanakan semakan semula terhadap prosedur/proses kerja bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan organisasi.

Oleh itu, dicadangkan supaya PKPA Bil. 1/2002 dikemas kini dengan memasukkan elemen baharu seperti penelitian dan penyemakan semula prosedur/proses kerja sedia ada dalam suatu tempoh tertentu (secara tahunan atau setiap tiga (3) tahun) supaya prosedur/proses kerja sentiasa kekal berkesan dan relevan dengan keperluan dan kehendak semasa.

Di samping itu, Sektor Awam disarankan untuk meningkatkan kompetensi pegawai dalam aspek penambahbaikan prosedur/proses kerja melalui latihan secara formal


daripada mana-mana institusi sektor awam/swasta yang bertauliah dalam BPR. Pensijilan *Lean Six Sigma Black Belt* atau *Lean Six Sigma Green Belt* merupakan contoh pensijilan yang boleh yang boleh dipertimbangkan untuk dihadiri oleh pegawai yang bertanggungjawab menyelia, menggerak dan/atau melaksanakan BPR bagi meningkatkan dan memantapkan kefahaman serta penguasaan pegawai supaya berada pada tahap yang mencapai piawaian peringkat antarabangsa. Amatlah penting untuk pegawai mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dan bersifat mutakhir berkaitan dengan BPR supaya Sektor Awam dapat melaksanakan penambahbaikan secara berterusan dengan menggunakan pendekatan dan kaedah yang bersesuaian serta dilaksanakan dengan betul dan teratur.

PROGRAM GALAKAN MEMBACA

PUSAT SUMBER ILKAP 2022

Oleh Norhafida binti Darus

Bahagian Maklumat ILKAP



PENGENALAN

Program Galakan Membaca merupakan aktiviti yang dilaksanakan oleh sesebuah perpustakaan yang berhubung kait dengan usaha memupuk minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Program ini dilaksanakan melalui Dasar Galakan Membaca yang diwujudkan bagi tujuan pelaksanaan fungsi Perpustakaan Negara Malaysia. Ini seperti yang diperuntukkan dalam perenggan 4(2)(m) Akta Perpustakaan Negara 1972 [Akta 80]—

Pengurusan dan pengawasan Perpustakaan Negara oleh Ketua Pengarah dan kuasa Ketua Pengarah

4. (2) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

(m) menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca;

Di peringkat Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Pelan Strategik ILKAP 2021-2025 telah menetapkan aktiviti Program Galakan Membaca dalam Teras Strategik 2: Memantapkan Penerbitan dan Pelaporan Pencapaian ILKAP, iaitu di bawah Strategi 3: Menambah baik Sistem Repozitori dan Perkongsian Ilmu. Menerusi Strategi 3 berkenaan, enam (6) Program Galakan Membaca ditetapkan sebagai aktiviti wajib yang perlu dilaksanakan setiap tahun bagi tujuan menggalakkan warga ILKAP membudayakan amalan membaca.

AKTIVITI PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Bagi menggalakkan minat membaca dalam kalangan warga ILKAP, Bahagian Maklumat ILKAP telah melaksanakan dua (2) aktiviti Galakan Membaca sepanjang pertengahan tahun 2022 seperti yang berikut:

Pameran Ihya' Ramadan

Pameran Ihya' Ramadan di Pusat Sumber ILKAP dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan 1443H bermula pada 1 April 2022 hingga 5 Mei 2022. Pameran ini ditempatkan di sudut pameran Pusat sumber ILKAP

di laluan masuk kaunter supaya mudah dilihat oleh pengguna. Pameran ini menyediakan bahan maklumat asas berkenaan ibadah puasa dan amalan sunat di bulan Ramadan.

Jom Baca Bersama 10 Minit

Program Jom Baca Bersama 10 Minit telah dilaksanakan pada 21 April 2022 secara serentak di seluruh Malaysia pada jam 11.00 pagi. Program ini merupakan program utama sektor perpustakaan yang dijalankan sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Ia juga merupakan komitmen sektor perpustakaan di seluruh Malaysia untuk meningkatkan amalan dan budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia.





PENUTUP

Selaras dengan semangat membudayakan amalan membaca dan meyokong percambahan ilmu, Bahagian Maklumat ILKAP akan meneruskan aktiviti Program Galakan Membaca ini sepanjang tahun 2022 dengan melaksanakan kesemua program yang telah termaktub dalam Pelan Strategik ILKAP di samping mengadakan aktiviti lain yang mempunyai objektif yang sama. Usaha galakan membaca ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia bergantung kepada keinginan individu itu sendiri untuk memupuk minat membaca. Sehubungan dengan itu, diharapkan agar warga ILKAP akan lebih aktif dalam menyokong aktiviti Program Galakan Membaca yang dianjurkan dan terus-menerus membaca untuk meningkatkan ilmu dan pengetahuan.



AKTIVITI ILKAP MEI – JUN 2022




BENGKEL PEMERKASAAN BAHASA MELAYU (PENULISAN DOKUMEN RASMI)

11 – 12 MEI 2022



PROGRAM BICARA INOVASI ILKAP BIL. 2/2022

20 MEI 2022



**MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI TAHUN 2022,
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)**

27 MEI 2022







SIDANG REDAKSI

NAMA	UNIT/SEKSYEN PROGRAM/ BAHAGIAN	TANGGUNGJAWAB
Ida Adiba binti Md Razali	Ketua Unit Unit Penyelidikan dan Inovasi (Unit P&I)	Ketua Projek Penyunting
Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit P&I	Ketua Sidang Redaksi Penyediaan Sesi Temu Bual Penyediaan Draf dan Infografik Pemilihan gambar aktiviti ILKAP Penyunting Akhir
Nor Hafiza binti Kamardin	Peguam Kanan Persekutuan Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara	Penulis Artikel Jemputan
Mastura binti Husain	Pengarah, Program Perundangan	Penulis Artikel Program Perundangan
Khairunnisa Hazwani binti Omar	Ketua Penolong Pengarah, Program Penasihat	Penulis Artikel Program Penasihat
Nadia binti Fauzi	Ketua Penolong Pengarah, Unit P&I	Penulis Artikel Unit P&I
Ros Afida binti Abu Kassim	Timbalan Pendaftar (PDPA), Bahagian Pengurusan	Penulis Artikel Bahagian Pengurusan
Norhafida binti Darus	Pustakawan	Penulis Artikel Bahagian Maklumat
Shahrul Firdaus bin Mohd Shahiri	Pereka Grafik Unit Koleksi Bercetak Bahagian Maklumat	Urusan Grafik Keseluruhan
Norhafida binti Darus	Pustakawan Bahagian Maklumat	Pemantau urusan grafik

DISCLAIMER: Pictures taken and portrayed in this publication are staged and taken for the purpose of reporting only. Related Standard Operating Procedures have been adhered by members of ILKAP during the reported activities.



Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), JPM
Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: 603 8924 3400 , Faks: 603 8926 1231
E-mel: ilkap@ilkap.gov.my